

# Perhatian

- Bagi dos ubat sekali sehari, ambil ubat sebaik sahaja selepas menyusukan bayi. Contohnya penyusuan terakhir pada waktu malam.
- Perhatikan jika terdapat perubahan berikut:
  - Tabiat tidur bayi
  - Tabiat makan bayi
  - Keresahan pada bayi
  - Muntah, cirit-birit atau ruam pada bayi
- Sekiranya terdapat sebarang keraguan, sila rujuk doktor atau ahli farmasi.



Terbitan:  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
2016

Untuk maklumat lanjut, sila layari:  
[www.knowyourmedicine.gov.my](http://www.knowyourmedicine.gov.my)  
atau hubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan  
di talian bebas tol 1800-88-6722



# PENYUSUAN BAYI & UBAT-UBATAN



Kebanyakan ubat adalah selamat diambil ketika menyusukan bayi.  
**Walau bagaimanapun, sesetengah ubat akan:**

- Mengganggu penghasilan susu ibu menyebabkan susu berkurangan.
- Dirembes ke dalam susu dan menyebabkan bayi mengalami kesan sampingan ubat.

### Ciri-ciri ubat selamat untuk ibu yang menyusukan bayi adalah:

- Ubat tidak dirembes ke dalam susu ibu.
- Ubat tidak diserap melalui perut atau usus.
- Ubat yang telah dikenalpasti selamat untuk diberikan kepada bayi dan ibu hamil.



## TIP PENYUSUAN BAYI DAN PENGAMBILAN UBAT-UBATAN

### Contoh ubat-ubatan yang selamat diambil ketika menyusukan bayi:

- Ubat tahan sakit** contohnya ibuprofen dan paracetamol, dirembeskan sedikit ke dalam susu ibu. Walau bagaimanapun, ubat tersebut tidak akan memudarkan bayi.
- Ubat selesema atau rawatan untuk alahan (antihistamin)** contohnya loratadine dan cetirizine, kedua-duanya tidak menyebabkan mengantuk dan tidak mengganggu pengeluaran susu ibu.
- Antibiotik** contohnya penisilin dan cefuroxime.
- Ubat kegunaan luar** contohnya krim miconazole dan krim hydrocortisone namun perlu disapu nipis sahaja.
- Ubat perancang keluarga** yang mengandungi progestogen sahaja.

#### Ubat-ubatan yang dirembes ke dalam susu ibu

##### Hipertensi

- atenolol

##### Epilepsi

- lamotrigine
- phenobarbitone

##### Antikemurungan

- citalopram
- fluoxetine
- venlafaxine

##### Antibiotik

- metronidazole

##### Tahan Sakit

- mefenamic acid

#### Ubat-ubatan yang mengurangkan pengeluaran susu ibu

##### Antihistamin

- chlorpheniramine

##### Sediaan ubat batuk & selesema

- pseudoephedrine

##### Terapi gantian

- nikotin

##### Hipertensi

- thiazide

##### Ubat perancang keluarga

- estrogen

##### Parkinson

- bromocriptine

#### Ubat-ubatan yang tidak selamat diambil kerana memberikan kesan sampingan kepada bayi

##### Parkinson

- amantadine

##### Rawatan jantung

- amiodarone

##### Antikolesterol

- simvastatin
- atorvastatin

##### Rawatan kanser

- cisplatin

##### Rawatan kardiovaskular

- aspirin

##### Rawatan sakit mental

- clozapine

**Nota:** Doktor akan memberikan ubat selepas penilaian dibuat ke atas pesakit. Pemilihan ubat juga adalah bergantung kepada keperluan pesakit dan keberkesanannya melebihi risikonya. Senarai ini adalah contoh sahaja, dapatkan maklumat lanjut daripada doktor atau ahli farmasi.